

## 800 ahli PVATM hadir mesyuarat agung tahunan

- Oleh MEDIA MULIA
- 13 Mei 2023, 7:45 am



HARIS SALLEH Hamzah (berdiri depan, tengah) bersama ahli Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM) sempena majlis perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-40 di Jerantut, Pahang baru-baru ini. – UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

SERAMAI 800 orang ahli Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM) Cawangan Jerantut telah menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-40 di Jerantut, Pahang baru-baru ini.

Ketua Cawangan PVATM Jerantut, Hashim Aziz berkata, majlis mesyuarat telah dirasmikan oleh wakil Menteri Besar Pahang yang juga Penyelaras Dewan Undangan Negeri Damak, Haris Salleh Hamzah yang telah menitip beberapa pandangan serta motivasi untuk mengisih kebajikan ahli PVATM Jerantut.

“Pertemuan mesyuarat agung tahunan ini selain untuk merencana program memanfaatkan kebajikan ahli persatuan, tetapi juga dapat mengeratkan hubungan sesama ahli serta pemimpin setempat lebih lagi kita masih berada dalam kemeriahan hari raya di bulan Syawal,” katanya di Jerantut, Pahang baru-baru ini.- utusan